

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:**

- a) statistik kes keganasan rumahtangga dilaporkan berlaku di seluruh negara dalam tempoh tiga tahun terkini iaitu dari 2012 sehingga 2014;
dan
- b) sejauh manakah Kementerian akan mengkaji cadangan untuk meminda Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Statistik jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan bagi tahun 2012 sehingga September 2014 adalah sebanyak 1,508 kes. Kes keganasan rumah tangga pada 2012 adalah sebanyak 565 kes, 2013 sebanyak 488 kes dan 2014 (sehingga September) adalah sebanyak 455 kes.

- b) KPWKM telah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani isu ini. Antaranya ialah membuat pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Pindaan ini telah diluluskan di Parlimen pada 21 Disember 2012 dan dikuatkuasakan pada 20 Februari 2012.

Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2012 melibatkan pindaan seperti berikut:

- i. memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga daripada bentuk fizikal untuk turut meliputi penderaan emosi, mental dan

psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa dan mangsa kanak-kanak;

- ii. menjamin mangsa mendapat perlindungan tambahan bagi melarang pelaku keganasan rumah tangga menghampiri mangsa pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;
- iii. memudahkan urusan mendapatkan perintah perlindungan sama ada perintah perlindungan interim (IPO) atau perintah perlindungan (PO). Dalam hal ini, IPO dan PO boleh difailkan di mana-mana mahkamah dan boleh dikeluarkan oleh mana-mana pegawai mahkamah dan tidak terhad kepada Pendaftar Mahkamah sahaja;
- iv. IPO boleh dibuat melalui permohonan secara *ex-parte* sama ada oleh pemohon; peguam pemohon atau seorang pegawai kebajikan bagi pihak pemohon;
- v. membenarkan penyampaian IPO dan PO dibuat melalui penyampaian ganti iaitu dengan meninggalkan satu salinan perintah di alamat terakhir diketahui; menampalkan satu salinan

perintah di papan notis mahkamah atau dengan cara lain yang diarahkan oleh mahkamah; dan

- vi. kesalahan keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang boleh ditangkap (*seizable offence*).

Seiring dengan perkembangan isu-isu semasa, Kementerian dan agensi sentiasa peka dan mengambil maklum akan keperluan penambahbaikan peraturan-peraturan yang sedia ada. Kementerian bersama Pejabat Peguam Negara dan NGO yang membela nasib wanita sedang dalam peringkat perbincangan untuk membuat pindaan terbaru ke atas Akta sedia ada.